

PM: Ada pihak minat beli Malaysia Airlines

Selangor Kini - 21/3/2019 mlr: 9

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendedahkan ada pihak dari dalam dan luar negara berminat membeli syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB).

Bagaimanapun, katanya, kerajaan masih perlu mengkaji sebelum membuat keputusan yang akan menentukan masa depan syarikat penerbangan itu.

"Ada pihak tertentu yang ingin membeli MAS (MAB), jadi kita tidak tolak. Kita nak kaji sama ada perlu jual atau tidak," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, pada

20 Mac lalu.

Beliau berkata, ia kerana syarikat itu tetap mengalami kerugian sekalipun mengambil pengurus luar. Ditanya berhubung saranan bekas pemimpin syarikat itu yang mahukan MAB kekal bawah kerajaan, Dr Mahathir berkata, perkara terbabit turut akan ditimbang.

"Saya sayang MAS, saya mahu MAS ini dijadikan satu syarikat penerbangan nasional tetapi nampak seolah-olah kita tidak mampu," katanya.

Dr Mahathir berkata, strategi kerajaan terdahulu yang menyuntik RM6 bilion dan memberhen-

takan 6,000 pekerja nyata gagal memberikan keuntungan kepada syarikat selain menyebabkan banyak pesawat tidak digunakan sepenuhnya.

Katanya selepas pemberhentian pekerja, syarikat itu "tidak terbang seperti dahulu", bermakna pengurangan pekerja tidak membawa sebarang perbezaan.

"Jika kita kurang pekerja tetapi kita *maintain* status yang lama baharulah ada *saving* (penjimatan)," katanya.

Pada 5 Mac lalu, Khazanah Nasional, sayap pelaburan kerajaan, dilaporkan mengalami rosot nilai



RM7.3 bilion tahun lalu dengan sebahagian besarnya disumbangkan oleh MAB.

Khazanah adalah satu-satunya pemegang saham MAB selepas mengambilalih syarikat penerbangan itu pada 2014 dan ia sudah menyuntik dana RM6 bilion untuk memperbaiki prestasi syarikat,

namun usaha terbabit gagal.

Dr Mahathir sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan akan mengkaji pelbagai opsyen sebelum membuat keputusan berhubung masa depan Malaysia Airlines sama ada akan menutup, menjual atau membiayainya semula. — BERNAMA